

# 2 kapal bawa diesel seludup RM2.39j

Maritim Malaysia tumpas kegiatan, 15 warga asing ditahan

Oleh Nor Amalina Alias  
cnews@NSTP.com.my

**Pasir Puteh:** Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan merampas dua kapal dagang dan 230,000 liter diesel yang cuba diseludup ke negara jiran membabitkan nilai keseluruhan RM2.39 juta.

Rampasan itu dibuat terhadap dua kapal dagang yang berjaya ditahan dalam Ops Kuda Laut kira-kira 110 batu nautika dari muara Tok Bali, Selasa lalu.

Pengarahnya, Kepten Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob, berkata kapal pertama ditahan di 102 batu nautika daripada muara Tok Bali kira-kira jam 11.20 pagi, manakala kapal kedua ditahan 20 minit kemudian pada jarak 109

batu nautika.

Katanya, kedua-dua kapal vessel asing itu dipercayai menjadi kapal dagang pembekal diesel atau 'feeder' bahan api itu kepada bot nelayan asing Vietnam di Laut China Selatan khususnya di perairan Pantai Timur.

"Kedua-dua kapal cuba lari, namun berjaya dipintas Kapal Maritim (KM) Tok Bali dan hasil pemeriksaan menemui 80,000 liter diesel pada bot pertama dan 150,000 liter diesel pada bot kedua.

"Jumlah rampasan keseluruhan termasuk dua bot dan diesel membabitkan nilai RM2.39 juta," katanya pada sidang media di Jeti Maritim APMM Tok Bali, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut menahan 15 awak-awak warga asing termasuk dua tekong bot berkenaan yang berusia 24 hingga 59 tahun termasuk seorang kru wanita warga Thailand.

Semua mereka dan dua kapal berkenaan ditunda ke jeti APMM Tok Bali untuk disiasat di bawah



**Maritim Malaysia Kelantan menunjukkan bot dagang membawa diesel seludup yang dirampas dalam Ops Kuda Laut dekat muara Tok Bali, Pasir Puteh, selasa lalu.**

(Foto ihsan APMM)

Seksyen 361(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

"Jika sabit kesalahan, setiap mereka akan didenda tak kurang RM200,000 dan tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Muhsin Syam berkata, kedua-dua tekong turut gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri, dokumen kapal atau insurans.

Katanya, kes ini adalah tangkapan ke-53 dan 54 bagi Ops Kuda Laut dengan jumlah keseluruhan

tahanan 610 orang.

"Kita komited membanteras aktiviti jenayah di laut dan tidak menolak kemungkinan mereka menjadi pembekal bahan api kepada kapal nelayan asing yang menceroboh hasil laut negara," katanya.